

ANTOLOGI BINTANG HATI**CERPEN LEGASI TAPAI UBI****AKTIVITI :**

Rujuk nota Cerpen Legasi Tapai Ubi yang diberikan. Lengkapkan perbincangan yang berikut dengan membina ayat lengkap daripada pilihan jawapan yang telah diberi mengikut nombornya.

PILIHAN JAWAPAN	
(1) Parjo - membantu ibu dan bapanya - tapai ubi - setiap pagi.	(2) masyarakat - gigih berusaha - rezeki.
(3) Dr. Parjo - jasa ibu dan bapanya - kejayaannya - inspirasi ibu dan bapanya.	(4) masyarakat - mentaati perintah - ibu dan bapa

PERBINCANGAN PENDAPAT

Yasmin : Pada pendapat saya, cerpen 'Legasi Tapai Ubi' mengandungi pelbagai latar masyarakat. Salah satu latar masyarakat yang terdapat dalam cerpen tersebut ialah masyarakat yang bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu kerja.

Danial : Saya setuju dengan pendapat Yasmin. Contohnya, **(1)**

Hani : Berdasarkan pembacaan saya pula, latar masyarakat lain yang terdapat dalam cerpen ialah **(2)** _____.

Contohnya, Wak Salikon dan isterinya gigih mengusahakan perniagaan tapai ubi sehingga berjaya membuka sebuah kilang.

Tasha : Danial, apakah bukti lain yang menunjukkan cerpen ini mengandungi pelbagai latar masyarakat?

Danial : Buktinya, terdapat juga latar masyarakat yang menghargai jasa ibu dan bapa. Contohnya, **(3)** _____.

Hani : Berikan latar masyarakat lain yang terdapat dalam cerpen ini, Tasha.

Tasha : Selain itu, terdapat juga **(4)** _____.

Contohnya, Parjo sentiasa mentaati perintah ibu bapanya dalam membawa jualan tapai ubi yang dihasilkan oleh mereka.